

Soalan No:36

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
[LIMBANG]

TARIKH : 20.11.2017

SOALAN :

Tuan Haji Hasbi Bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian akan menubuhkan sekolah khas untuk 'gifted person' supaya kebolehan dan kelebihan mereka ini dapat dicungkil dan dimanfaatkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang merancang untuk menyediakan program pendidikan bagi murid-murid pintar dan berbakat agar dapat mengembangkan bakat dan potensi mereka secara bersepadu dan holistik di bawah Inisiatif 30 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025: Pembangunan Program Pendidikan Pintar dan Berbakat. KPM juga telah bekerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyediakan dua bentuk pendidikan bagi memenuhi keperluan pembelajaran pelajar pintar dan berbakat iaitu Permatapintar UKM dan Permata Insan USIM.